

KUALA LUMPUR, 23 SEPT. (BERNAMA) -- TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR MOHAMED MENGUMUMKAN HARI INI, KERAJAAN AKAN TETAP MELAKSANAKAN PENYEMAKAN SEMULA GAJI BAGI KAKITANGAN KERAJAAN BERKUATKUASA MULAI 1.1.76. 1976

KATANYA, PENYEMAKAN SEMULA ITU AKAN BERDASARKAN KEPADA KEMAMPUAN KERAJAAN MEMBAYAR GAJI TERSEBUT DAN TIDAK SEMESTINYA MENURUT SYOR LAPURAN TAN SRI IBRAHIM ALI.

DR. MAHATHIR BERKATA, SATU JAWATANKUASA KABINET YANG DIKETUAI OLEH BELIAU SENDIRI SEKARANG SEDANG MENYIAPKAN CADANGAN BALAS KERAJAAN KEPADA SYOR SURUHANJAYA IBRAHIM ALI.

TAMBAHNYA, JAWATANKUASA ITU DIJADUALKAN MENGADAKAN 20 MESYUARAT DAN DIJANGKA MENYIAPKAN SYOR-SYORNYA MENJELANG BULAN JANUARI TAHUN DEPAN.

DR. MAHATHIR BERKATA DEMIKIAN KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MAJLIS BERSAMA KEBANGSAAN (PEHAK KAKITANGAN) MENEMUI PERDANA MENTERI, DATUK HUSSEIN ONN DAN ANGGUTA KABINET MENGENAI LAPURAN IBRAHIM ALI ITU.

DR. MAHATHIR BERKATA, KERAJAAN TELAH MENJELASKAN DI PERTEMUAN ITU KEPADA PEHAK KAKITANGAN TENTANG IMPLIKASI PELAKSANAAN SYOR-SYOR LAPURAN IBRAHIM ALI ITU. -- BERSAMBUNG 1443/LK

MENURUT BELIAU, KERAJAAN JUGA TELAH MEMBERIKAN "BUTIR-BUTIR DAN ANGKA-ANGKA" BERHUBUNG DENGAN PELAKSANAAN LAPURAN ITU.

KATANYA, ANGKA-ANGKA ITU ADALAH SANGAT BERBEZA DARIPADA YANG DIBERIKAN OLEH SURUHANJAYA ITU.

BELIAU BERKATA, PEHAK KAKITANGAN TELAH "MEMPERTIKAIKAN" ANGKA-ANGKA TERSEBUT, TETAPI BERSETUJU UNTUK MENGESAHKANNYA DALAM PERTEMUAN MEREKA DENGAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN.

DR. MAHATHIR BERKATA, PERDANA MENTERI AKAN BERTEMU DENGAN PARA PEMIMPIN KESATUAN SEKERJA MENGENAI PERKARA ITU. BAGAIMANAPUN TARIKHNYA BELUM DITETAPKAN LAGI.

KATANYA, KERAJAAN JUGA AKAN MENGAJI TANGGA GAJI BAGI ANGGUTA POLIS DAN TENTERA.

TURUT HADIR DI PERTEMUAN ITU IALAH MENTERI KEWANGAN, TENGGU RAZALEIGH HAMZAH, MENTERI UNDANG-UNDANG, TAN SRI KADIR YUSOF, MENTERI PENERANGAN, DATUK AMAR TAIB MAHMUD, MENTERI BURUH DAN TENAGA RAKYAT, DATUK LEE SAN CHOON DAN KETUA SETIAUSAHA NEGARA, TAN SRI KADIR SHAMSUDDIN.

PENGERUSI PEHAK KAKITANGAN, ENCIK T. NARENDRAN MENSIFATKAN PERTEMUAN ITU SEBAGAI "BERHASIL" DAN "JUJUR".

KATANYA, KEDUA BELAH PEHAK TELAH BERTUKAR-TUKAR PENDAPAT SECARA TERUS TERANG DALAM KEADAAN YANG MESERA. -- BERSAMBUNG 1455

BELIAU BERHARAP RUNDINGAN SAPERTI INI AKAN DAPAT MENOLONG MENCARI SATU PENYELESAIAN KEATAS MASAALAH SEKARANG INI BAGI MENGELAKKAN BERLAKUNYA SATU KEGELISAHAN DI KALANGAN KAKITANGAN DAN PEKERJA DI NEGARA INI.

BELIAU MEMUJI PERDANA MENTERI KERANA TELAH MENDENGAR PENDAPAT-PENDAPAT YANG DIKEMUKAKAN OLEH PEHAK KAKITANGAN.

ENCIK NARENDRAN BERKATA CUEPACS AKAN MEMANGGIL SATU MESYUARAT RABU, 29 SEPT. INI UNTUK MENERANGKAN KEPADA KESATUAN-KESATUAN YANG BERGABUNG DENGANNYA TENTANG RUNDINGAN HARI INI DENGAN PERDANA MENTERI.

KESATUAN PEHAK BERKUASA TEMPATAN DAN BADAN-BADAN BERKANUN AKAN JUGA MENGADAKAN SATU MESYUARAT YANG SAMA.

ENCIK NARENDRAN BERKATA, MESYUARAT TERSEBUT AKAN MEMBINCANGKAN PERKARA BERHUBUNG DENGAN TINDAKAN PERUSAHAAN YANG DIJADUALKAN PADA 19 OKTOBER INI. -- BERSAMBUNG 1519/LK

££

B544

GAJI 4 KUALA LUMPUR

KATANYA, PEHAK KAKITANGAN AKAN MENEMUI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN
UNTUK MENDAPATKAN PENGESAHAN DAN PENERANGAN TENTANG BELANJA
YANG TERLIBAT DALAM MELAKSANAKAN LAPURAN IBRAHIM ALI ITU. 35

ENCIK NARENDRA BERKATA PEHAK KAITANGAN JUGA BERHARAP AKAN
DAPAT MENEMUI DATUK HUSSEIN ONN SEKALI LAGI SEBELUM 19 OKTOBER INI.

BELIAU TIDAK DAPAT MENYATAKAN SENDIRI, SAMA ADA CUEPACS AKAN MEM-
-BATALKAN TINDAKAN PERUSAHAAN YANG DIJADUALKAN PADA 19 OKTOBER ITU.

KATANYA, "INI AKAN BERGANTUNG KEPADA KEMAJUAN YANG TERCAPAI
DALAM MESYUARAT-MESYUARAT DAN PERTEMUAN YANG AKAN DIADAKAN
MULAI MINGGU DEPAN HINGGA TARIKH ITU."

BELIAU MENEKANKAN, KEPUTUSAN BAGI MEMBATALKAN TINDAKAN PERUSAH-
-AN ITU TERLETAK KEPADA MAJLIS KERJA TIAP-TIAP KESATUAN YANG
BERGABUNG DENGAN CUEPACS. -- BERNAMA 1526/LK